

Pemilihan Terbuka Parti Tanda Demokrasi Dalam Umno Subur - Mukhriz Bernama
21 Sept, 2013

JITRA, 21 Sept (Bernama) -- Sistem terbuka yang membenarkan anggota Umno menawarkan diri bertanding sebarang jawatan parti menunjukkan demokrasi dalam Umno subur dan parti berani berubah, kata Menteri Besar Kedah Datuk Mukhriz Tun Dr Mahathir.

Katanya sistem baharu pertama kali dilaksanakan ini membebaskan Umno daripada terkongkong dengan sistem lama menggunakan kuota untuk bertanding, sehingga mengekang golongan muda dan profesional untuk terlibat secara aktif.

Sistem pemilihan ini dilaksanakan berikutan pindaan perlembagaan parti pada 2009.

"Saya merasakan Umno akan terus relevan. Kehadiran ramai ahli menawarkan diri bertanding di peringkat bahagian bakal melakar sejarah melalui penonjolan pemimpin bahagian dan nasional yang berkebolehan untuk melonjak kekuatan Umno dari akar umbi.

"Golongan profesional Melayu sebelum ini yang merasa diri mereka menghadapi kekangan untuk terlibat secara aktif seharusnya berani tampil menawarkan diri bertanding," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Mukhriz yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kedah ditemui selepas menyerahkan borang untuk bertanding jawatan Ketua Umno Bahagian Jerlun di Dewan Wawasan di sini.

"Kita mengalu-alukan golongan ulama dan yang ada tauliah agama menawarkan diri. Mereka tidak seharusnya mengambil sikap memisahkan diri daripada arus politik untuk memberi suntikan kepada Umno yang menghadapi cabaran besar membanteras penularan fahaman Syiah," katanya.

Menteri Besar itu mengharapkan banyak orang muda bertanding jawatan anggota jawatankuasa bahagian untuk membawa isu berkaitan mereka selain meremajakan parti.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kedah, Datuk Ahmad Bashah Md Hanipah berkata pemilihan kali ini membuka ruang secukupnya untuk menampilkan muka baharu bagi memperkasa parti.

"Kita tidak terkejut jika ramai muka baharu yang layak memenangi pertandingan kelak kerana ini era pembaharuan yang dituju oleh Umno. Namun saya berharap setiap calon membawa jenama sendiri dengan tidak melakukan sabotaj atau memburukkan lawan," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=979417>